

Penguasaan Kemahiran Insaniah Melalui Penglibatan dalam Kokurikulum Pasukan Bomba Bantuan Institusi

**Fadillah Ismail^{1,*}, Radin Hamimah Mohamad¹ & Nur Raihan
Dayana Khamis¹**

¹Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2021.02.01.031>

Received 01 March 2021; Accepted 30 April 2021; Available online 01 June 2021

Abstract: Involvement in the uniformed body co-curriculum is one of the significant alternatives in efforts to apply the elements of soft skills among students in the university. This study is a longitudinal survey study aimed at measuring the level of mastery of soft skills among 172 students who took the co-curricular course of the auxiliary fire brigade team. There are seven soft skills attributes (soft skills) for university students as outlined by the Ministry of Higher Education Malaysia (MOHE) include communication skills, leadership, teamwork, critical thinking, and problem-solving, lifelong learning, entrepreneurship, and professional moral ethics skills applied. Statistical Package for Social Science Version 20 software was used to analyze the findings of this study. The results of the study showed that there was a change in the mastery of the seven soft skills among students before and after joining the uniformed body of the auxiliary fire brigade team.

Keywords: Soft skills, Co-curriculum, Auxiliary fire brigade team

Abstrak: Penglibatan dalam kokurikulum badan beruniform merupakan salah satu alternatif yang signifikan dalam usaha menerapkan elemen kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa di IPT. Kajian ini merupakan kajian tinjauan secara longitudinal bertujuan untuk mengukur tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan 172 pelajar yang mengambil kursus kokurikulum badan beruniform Pasukan Bomba Bantuan Institusi. Terdapat tujuh atribut kemahiran insaniah (softskill) untuk pelajar IPT seperti yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) merangkumi kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, berfikir kritis dan penyelesaian masalah, pembelajaran sepanjang hayat, keusahawanan dan kemahiran etika moral profesional (KPT 2006) digunakan. Perisian Statistical Package for Social Science Version 20 digunakan untuk menganalisis dapatan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan terdapat perubahan peningkatan penguasaan ketujuh-tujuh kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa sebelum dan selepas menyertai badan beruniform Pasukan Bomba

Bantuan Institusi.

Kata Kunci: Kemahiran insaniah, Kokurikulum, Pasukan bomba bantuan institusi

1. Pengenalan

Pembangunan modal insan menjadi agenda nasional dalam melahirkan modal insan cemerlang dan cekap untuk menuju negara maju. Justeru dalam memastikan matlamat negara tercapai, penghasilan sumber berkuliti dan cemerlang menjadi keutamaan. Bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian dalam mengharungi cabaran yang kompetitif dunia perniagaan, pekerja perlu mempunyai kemahiran insaniah dan kemahiran teknikal (Ibrahim *et al.*, 2017). Walaubagaimana pun menurut Watts dan Watts (2008) kemahiran teknikal menyumbang 15% kepada sesuatu kejayaan, manakala 85% datang dari kemahiran insaniah. Menurut Staffan (2010) terdapat beberapa kajian menunjukkan dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran didapati kemahiran teknikal menjadi kurang penting berbanding kemahiran insaniah (Ibrahim *et al.*, 2017). Malah menurut kebanyakan majikan, mereka menjadikan kemahiran insaniah ini sebagai satu indikator terbaik untuk mengukur prestasi kerja seseorang tanpa mengira sektor (John, 2009). Justeru tidak dapat dinafikan mengapa didapati kebanyakan organisasi mula menyedari dan membuat melabur dengan serius dalam latihan dan pembangunan kemahiran insaniah, sikap, tingkah laku dan pengetahuan kritikal.

Jurang kompetensi kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa universiti menjadi isu kritikal dan merupakan penyumbang kepada statistik pengangguran. Isu pengangguran siswazah sering muncul dan kerap dipaparkan di media masa, dan menjadi perbincangan yang serius menjurus kepada kegagalan pusat pengajian tinggi dalam melahirkan graduan yang professional dan berkualiti. Selain Malaysia, terdapat beberapa negara membangun dan maju seperti Filipina, Indonesia, India dan Amerika Syarikat turut berdepan dengan isu pengangguran (Stevens, 2014). Kelemahan menguasai kompetensi kemahiran insaniah dalam kalangan graduan pada masa kini menjadi isu dan merupakan faktor menyumbang kepada kegagalan mendapat pekerjaan (Ali *et al.*, 2016). Ini kerana fokus industri kepada kemahiran insaniah telah mewujudkan persaingan dalam mendapatkan pekerjaan dan menjadikan pekerjaan itu semakin sukar (John, 2009). Didapati graduan yang dilengkapi dengan kemahiran insaniah boleh bersaing dalam pasaran kerja atau pekerjaannya, malah mereka didapati lebih bersedia dan terbuka bila berdepan dengan cabaran globalisasi kini (Anuar & Esa, 2010)

Mahasiswa perlu menyediakan diri dengan kemahiran yang relevan untuk berfungsi dengan signifikan selari dengan bidang potensi yang disasarkan. Ini kerana dalam konteks pekerjaan professional hari ini, ia menuntut keseimbangan penguasaan terhadap kemahiran insaniah berbanding kelayakan akademik atau pengetahuan teknikal. Terdapat beberapa bukti signifikan yang menunjukkan kemahiran insaniah merupakan kompetensi yang akan membantu individu memenuhi keperluan dalam satu-satu perkerjaan dan membantu mengembangkan kerjayanya. Sungguhpun kelayakan akademik merupakan syarat dan pemberat dalam pengambilan pekerja, tetapi kelayakan akademik tidak semestinya menjadi jaminan seseorang itu dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja kini (Association for Talent Development [ATD], 2019). Malah kebanyakan majikan berharap kemahiran insaniah dapat digilap semasa diperingkat kolej atau di universiti dan di perkasakan lagi melalui pengalaman di semasa bekerja. Ini kerana kemahiran insaniah memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan sesuatu projek atau prestasi kerja, dan ia penting bagi memastikan kejayaan organisasi (Ibrahim *et al.*, 2017). Majikan bukan sahaja mengharapkan graduan mempunyai kemahiran teknikal dan disiplin dalam pelbagai kompetensi, tetapi mahukan graduan juga menunjukkan kemahiran tambahan dan atribut seperti kerja berpasukan, komunikasi, kepimpinan, pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan kebolehan mengurus (Lowden *et al.*, 2011). Kemahiran insaniah ini diakhirnya akan memberi kesan kepada kecemerlangan kerjaya yang membawa pemantapan sikap dan personaliti yang professional (John, 2009).

Justeru kajian ini, cuba meneliti penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform Pasukan Bomba Bantuan Institusi (KOR SISWA BOMBA) sebagai satu platform mengasah kemahiran insaniah. Kursus beruniform Pasukan Bomba Bantuan Institusi memberi pendedahan kepada ilmu pengurusan kebombaan, Asas Pertolongan Cemas, Pelan Strategik Jabatan, Integriti, High Performance Organization, Pengurusan Komunikasi dan Operasi, Incident Command System, Akta 341 (Akta Perkhidmatan Bomba), Uniform Building By-Laws dan Simulasi Kebombaan kepada mahasiswa yang terlibat dan menyertai kursus ini.

1.1 Pasukan Bomba Bantuan Institusi di UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah universiti awam pertama yang menawarkan kursus kokurikulum Pasukan Bomba Bantuan Institusi dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP). Pusat Kokurikulum pada ketika itu menawarkan buat pertama kali kursus tersebut di cawangan Parit Raja pada Semester I Sesi 2015/2016 manakala di cawangan Pagoh pula pada Semester I Sesi 2016/2017. Jurulatih atau tenaga pengajar bagi Pasukan Bomba Bantuan Institusi terdiri daripada Pegawai Bomba yang berkhidmat di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor dan telah mengikuti kursus yang ditetapkan sebelum dilantik sebagai tenaga pengajar.

Kursus kokurikulum ini terdiri daripada Pasukan Bomba Bantuan Institusi I dan Pasukan Bomba Bantuan Institusi II. Kursus Pasukan Bomba Bantuan Institusi Bantuan II adalah kursus lanjutan yang mensyaratkan pelajar mendaftar kursus Pasukan Bomba Bantuan I terlebih dahulu. Sekiranya pelajar masih belum berdaftar bagi kursus kokurikulum Pasukan Bomba Bantuan Institusi I, pelajar tersebut tidak layak untuk mendaftar kursus lanjutan.

Nilai kredit yang diberikan bagi kursus ini adalah sebanyak dua jam kredit dimana jam kredit bagi kursus ini diambil kira dalam pengiraan Kredit Kira. Kelas kokurikulum dijalankan pada setiap hari Khamis diantara pukul 2.00 petang hingga 7.00 malam selama dua jam bagi 14 kali pertemuan setiap semester. Dalam silibus kokurikulum Pasukan Bomba Bantuan Institusi I, para pelajar akan diberi pendedahan mengenai ilmu pengetahuan asas kebombaan dan penyelamatan seperti pengenalan bomba dan penyelamat, kawad kaki dan operasi, terminologi, pengenalan peralatan kebombaan serta jaidiri.

Bagi silibus kokurikulum Pasukan Bomba Bantuan Institusi II pula, kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar ilmu pengurusan kebombaan, Asas Pertolongan Cemas, Pelan Strategik Jabatan, Integriti, High Performance Organization, Pengurusan Komunikasi dan Operasi, Incident Command System, Akta 341 (Akta Perkhidmatan Bomba), Uniform Building By-Laws dan Simulasi Kebombaan. Kita akan dapat melihat di akhir kursus ini, pelajar UTHM akan mampu untuk menunjukkan nilai sikap dan etika ilmu pengetahuan asas kebombaan dan penyelamatan. Selain itu, mereka juga akan terbiasa dengan konsep kerja berpasukan kerana dalam kursus ini banyak mengamalkan semangat kerja berpasukan semasa pelaksanaan projek berkumpulan. Nilai tambah dalam diri setiap individu pelajar juga akan dapat dilihat dari sudut etika dan profesional dalam menerapkan sikap mendidik dan menyemai budaya keselamatan kebakaran dan semangat kesukarelawanan dalam kehidupan seharian.

2. Kajian Literatur

Bagi memastikan kebolehan dan kemampuan berdaya saing dalam pasaran kerja masa kini, mahasiswa perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran termasuk kemahiran generik sebagai kemahiran tambahan selari dengan keperluan industri dalam meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan. ini kerana penguasaan dan memperkayakan diri dengan pelbagai kemahiran terkini bukan sahaja jaminan kepada kebolehpasaran yang tinggi, malah menjadi alasan utama oleh majikan untuk

dikekalkan dan menjadi pilihan dalam pembangunan kerjaya. Dalam era globalisasi dunia tanpa sempadan revolusi industri 4.0 menjadikan kemahiran insaniah sebagai kemahiran kritikal yang perlu dilengkapi bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan kini. Justeru kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil inisiatif bersepadu bersama industri dalam memberi penekanan kepada beberapa kemahiran yang dikenalpasti mempunyai impak signifikan kepada mahasiswa dalam kokurikulum dan kurikulum sepanjang pengajian di institusi. Berikut adalah tujuh kemahiran yang di tetapkan oleh kementerian pengajian tinggi, iaitu;

2.1 Kemahiran Komunikasi

Menurut Rathee dan Rajain (2019) bagi memastikan kejayaan dan kelangsungan dalam kerjaya pelajar di masa hadapan, kemahiran komunikasi perlu diberi perhatian. Terdapat keperluan yang serius dalam dunia perniagaan yang kompetitif pada hari ini, dimana majikan melihat kemahiran komunikasi sebagai elemen yang berkualiti perlu dipertimbangkan dalam mencari pekerja selain melihat kepada kelayakan akademik mereka. Kemahiran komunikasi yang baik dapat mengelakkan salah faham dan meningkatkan kepercayaan pendengar. Menurut Luthra dan Dahiya (2015) kebanyakan ketua gagal menjadi pemimpin bukan kerana sikap mereka tetapi kerana wujudnya jurang komunikasi yang telah mengakibatkan kerugian kepada organisasi.

2.2 Kemahiran Kepimpinan

Kejayaan dan hala tuju sesebuah organisasi seringkali dikaitkan dengan gaya kepimpinan yang dimiliki oleh seseorang individu yang menjadi tulang belakang utama. Seorang pemimpin itu penting dalam memastikan kelangsungan dan pencapaian organisasi serta ia mampu mempengaruhi, memberi inspirasi kepada pekerja untuk setia memberi khidmat terbaik kepada syarikat (Bich & Thai, 2019). Kepimpinan adalah satu elemen penting dimana kebanyakan kontemporari organisasi hari ini perlu bagi memastikan kelangsungan dalam kerencanakan pembangunan dan perubahan yang drastik serta berisiko (Majed, 2019). Keadaan ni telah menuntut keperluan dalam mempersiapkan diri seseorang bakal pekerja dengan gaya dan kemahiran kepimpinan masa hadapan sebagai satu nilai tambah untuk meningkatkan potensi kebolehpasaran seseorang serta berkeupayaan untuk bertindak dalam mendepani cabaran dunia tanpa sempadan.

2.3 Kemahiran Penyelesaian Masalah

Masalah dapat ditakrifkan sebagai satu keadaan yang membawa kepada ketidakselesaian seseorang untuk berdepan dengan situasi tersebut (İncebacak & Ersoy, 2016). Tiada yang terkecuali dari menghadapi masalah, ini kerana masalah merupakan sebahagian daripada kehidupan yang perlu didepani dengan tenang agar tindakan penyelesaian yang diambil tidak mendatangkan kesan kepada diri dan persekitaran. Justeru dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah dengan berkesan, seseorang itu perlu belajar dan berlatih melalui pelbagai kaedah dan cara terbaik. Ini kerana kemampuan menyelesaikan masalah terbukti sebagai salah satu faktor utama kejayaan seseorang dalam sesebuah organisasi dan kerjaya (Kim *et al.*, 2018)

2.4 Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran keusahawanan merupakan salah satu kemahiran insaniah yang perlu kuasai di awal pembelajaran sehingga ke peringkat pendidikan tinggi dan ke alam pekerjaan (Harun, 2010). Keusahawanan adalah kemampuan seseorang individu untuk mengubah idea kepada tindakan, melalui kreativiti, inovasi dan mengambil risiko dalam merancang dan mengurus bagi memastikan pencapaian objektif. Menurut Majed (2019), mendalami ilmu dan kemahiran keusahawanan merupakan satu topik penting yang melengkapkan diri seseorang dengan kecekapan yang diperlukan dalam memimpin organisasi pada hari ini. Keusahawanan kini dapat dianggap sebagai sebahagian dari strategi penting untuk meningkatkan ekonomi dan produktiviti sesebuah organisasi.

2.5 Kemahiran Kerja Berpasukan

Kerja berpasukan dapat ditakrifkan sebagai sekumpulan individu yang bekerja bersama-sama dalam mencapai tujuan dan matlamat yang sama untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik dalam melakukan sesuatu kerja atau tugas (Sanyal & Hisam, 2018). Kerja secara berpasukan memberi ruang dan peluang untuk memperoleh pengalaman berunding dan ia dapat mengilap kemahiran interpersonal dalam aktiviti serta tugas bersama ahli kumpulan (Wilson *et al.*, 2017). Kemampuan seseorang untuk berkerja dalam kumpulan merupakan salah satu kemahiran yang penting dan menjadi pengukur kepada kebolehpasaran dan kelangsungan seseorang dalam sesebuah organisasi. Ini kerana kebanyakan aduan yang diterima oleh majikan dari pekerja senior, didapati graduan yang baru bekerja menunjukkan kesukaran dan jurang dalam memberi kerjasama kumpulan dan komunikasi interpersonal (Wilson *et al.*, 2017).

2.6 Kemahiran Etika dan Moral Professional

Kemahiran insaniah terutamanya etika, moral dan kemahiran profesional memainkan peranan penting dalam mengasah keperibadian seseorang yang cemerlang. Ini kerana kesinambungan pentadbiran negara memerlukan generasi modal insan yang memiliki integriti dan moral yang tinggi. Malah menurut kebanyakan majikan menyatakan pengabaian terhadap pembangunan dan pementapan etika, moral dan integriti dalam diri seseorang telah menjadi virus kepada sikap dan tingkahlaku yang menjejaskan imej dan reputasi organisasi. Etika dan integriti yang kukuh merupakan benteng kepada berlakunya gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa (Ibrahim *et al.*, 2008).

2.7 Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Kemahiran Pengurusan Maklumat

Menurut pandangan industri, bakal pekerja hari ini harus mempunyai kemampuan mengurus sumber, kemampuan untuk bekerja dengan efektif dan produktif dengan orang lain, keupayaan untuk memperoleh dan menggunakan maklumat, keupayaan untuk menguasai sistem yang kompleks, dan kemampuan untuk bekerja dengan pelbagai teknologi. Kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat memang tidak dinafikan dan perlu dikuasai, ini kerana melalui pengurusan maklumat yang baik ia dapat membantu organisasi dalam memperbaiki keberkesanan dan kecekapan, memperbaiki kedudukan pasaran, memperbaiki komunikasi antara pekerja, meningkatkan sinergi antara pekerja dan membolehkan pembelajaran menjadi lebih berkesan dan cekap. Justeru pelajar perlu menguasai kemahiran untuk menyesuaikan diri dan fleksibel, dalam menjadi seorang pekerja yang signifikan. Kemahiran literasi maklumat yang diperolehi di kolej meningkatkan kejayaan dan membawa kepada kemampuan untuk belajar sepanjang hayat yang dapat memudahkan proses penyesuaian diri dengan kerja yang mana persekitaraannya sentiasa berubah-ubah.

3. Metodologi Kajian

Bagi mencapai tujuan dan menjawab persoalan kajian reka bentuk penyelidikan yang tepat dan sesuai adalah penting. Kajian ini merupakan kajian tinjauan secara longitudinal, iaitu kajian tinjauan berulang dalam satu tempoh jangka panjang terhadap satu kumpulan orang yang sama dimana instrument kajian melalui soal selidik diedarkan sebanyak 2 kali kepada sampel kajian yang sama iaitu terdiri daripada pelajar yang menyertai kursus Pasukan Bomba Bantuan Institusi. Menurut Spicer (2004), soal selidik berupaya memberi maklumat yang tepat, sumber fakta yang boleh dipercayai dalam pengumpulan data serta ia mudah dianalisis berbanding kaedah pemerhatian yang memerlukan masa yang agak lama. Hanya melalui kaedah ini, pengkaji berupaya mendapatkan sejumlah besar responden dalam masa yang singkat.

Parameter populasi kajian memainkan peranan penting dan dianggap membantu dalam memilih sasaran populasi tertentu selari dengan objektif kajian (Cooper *et al.*, 2010). Populasi kajian ini terdiri

daripada pelajar yang menuntut di Universiti ABC dan terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus badan beruniform Pasukan Bomba Bantuan Institusi yang ditawarkan bagi sem I semester 2020/2021. Pelajar yang mengambil kursus tersebut perlu mengisi dua borang soal selidik secara atas talian iaitu melalui google form di awal sesi pengkuliahahan pada minggu kedua dan diakhir minggu sesi pengkuliahahan. Borang soal selidik yang merupakan Instrument kajian dibangunkan dengan mengadaptasi beberapa intrument dan melalui kajian literatur yang telah diubah suai hasil dari hasil kajian kebolehpercayaan dan ujian kesahan dari pakar bidang dan pihak industri. Soal selidik yang dibangunkan mengandungi 3 bahagian dan mempunyai 44 soalan tertutup dan satu soalan terbuka. Bahagian A adalah berkaitan dengan latarbelakang responden, bahagian B mengenai 7 domain kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran penyelesaian masalah secara kritis, kemahiran keusahawanan, Kemahiran etika dan moral professional, dan kemahiran pengurusan maklumat. Pada bahagian ini responden dikehendaki menunjukkan tahap persetujuan pada setiap item berdasarkan skala likert 5 mata. Manakala bahagian C adalah maklumbalas dan cadangan dari responden. Hasil daripada kajian pilot yang diwakili oleh 27 orang responden, dapatan mencatatkan bacaan nilai Cronbach Alpha instrumen berada pada nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.918. Nilai .00 menunjukkan pengukuran yang tidak konsisten dan diragui kebolehpercayaannya (HOW2STATSc, 2015), manakala nilai alpha yang menghampiri 1.0 mentafsirkan pengukuran yang sempurna dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Sekaran & Bougie, 2016). Menurut Hair *et al.*, (2011), van Griethuijsen *et al.* (2015), dan Taber (2018) nilai alpha Cronbach yang baik adalah pada nilai 0.7, namun begitu nilai alpha Cronbach yang dicatatkan pada 0.6 keatas juga boleh diterima.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan profile responden kajian seramai 172 pelajar yang mengambil kursus kokurikulum badan beruniform pasukan bomba bantuan institusi (KOR SISWA BOMBA). Berdasarkan dapatan, 58.1 peratus (100 orang) responden yang memberi maklumbalas soal selidik ini adalah lelaki yang majoritinya berbangsa Melayu. Manakala umur responden adalah 62.2 peratus diantara 21 tahun hingga ke atas dan hanya 41.2 peratus berada di peringkat umur 20 tahun dan ke bawah. Majoriti daripada responden kajian iaitu 31.9 peratus mempunyai kelayakan akademik di peringkat politeknik diikuti dengan 29 peratus yang memiliki Sijil Matrikulasi.

Jadual 1: Demografi Responden

Demografi		Kekerapan/Peratusan
Jantina	Lelaki	100 (58.1)
	Perempuan	72 (41.8)
Bangsa	Melayu	126 (73.2)
	Cina	21 (12.2)
	India	25 (14.5)
Umur	20 tahun dan kebawah	71 (41.2)
	21 tahun dan keatas	101 (62.2)
Kelayakkan	Politeknik	55 (31.9)
	Matrikulasi	50 (29)
	STPM	48 (27.9)
	Lain-lain	19 (11)

Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan penilaian tahap penguasaan kemahiran insaniah bagi sebelum dan selepas menjalani kursus. Pertamanya, melihat kepada tahap penilaian penguasaan kemahiran insaniah bagi sebelum menyertai kursus, majoriti responden menunjukkan responden berada di tahap sederhana dengan 72 responden mewakili 41.8 peratus, serta diikuti dengan 58 responden iaitu 33.7

peratus responden berada di tahap rendah. Manakala, hanya 42 orang responden (24.4 peratus) berada di tahap penguasaan kemahiran insaniah yang tinggi sebelum menyertai kursus. Bagi menilai tahap penguasaan responden selepas menyertai kursus pula, majoriti responden iaitu seramai 91 responden iaitu 52.9 peratus berada di tahap sederhana di mana kita dapat melihat perubahan yang baik dari sudut penguasaan kemahiran responden namun tidak begitu cemerlang. Manakala, 60 orang responden (34.8 peratus) responden di tahap tinggi diikuti dengan hanya 21 orang responden (12.2 peratus) berada di tahap yang rendah.

Jadual 2: Menilai tahap penguasaan kemahiran insaniah

Tahap	Sebelum	Selepas
Tinggi	42 (24.4)	60 (34.8)
Sederhana	72 (41.8)	91 (52.9)
Rendah	58 (33.7)	21 (12.2)

Jadual 3 menunjukkan jadual silang antara jantina responden dengan tahap penguasaan kemahiran insaniah selepas menyertai kursus KOR SISWA BOMBA. Melihat kepada tahap tinggi dalam penguasaan kemahiran insaniah seurus menamatkan kursus yang telah ditetapkan. Peserta responden lelaki mencatatkan jumlah yang lebih tinggi berbanding responden perempuan dengan perbezaan sebanyak 18 orang. Sebaliknya, bagi penilaian tahap rendah dalam menguasai kemahiran insaniah pula, peserta perempuan lebih rendah dengan hanya 3 orang berbanding peserta lelaki yang mencatatkan jumlah 18 responden yang berada di dalam tahap rendah. Jadual ini menunjukkan peningkatan yang baik bagi tahap penguasaan kemahiran insaniah peserta perempuan di mana majoriti daripada mereka berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa majoriti peserta mempunyai penguasaan yang sederhana secara keseluruhannya diikuti tahap tinggi dan seterusnya mereka yang berada di tahap rendah.

Jadual 3: Jadual silang antara jantina responden dengan tahap penguasaan kemahiran insaniah selepas menyertai Kursus KOR SISWA BOMBA

	Tinggi	Sederhana	Rendah
Lelaki	39	43	18
Perempuan	21	48	3
Jumlah	60	91	21

Jadual 4 menunjukkan perbandingan min sebelum dan selepas menyertai kursus badan beruniform Pasukan Bomba Bantuan Institusi mengikut kemahiran. Secara keseluruhannya, kesemua item menunjukkan peningkatan daripada sebelum responden menyertai kursus dan sesudah melalui proses kursus tersebut. Kemahiran yang menunjukkan peningkatan nilai min tertinggi ialah kemahiran penyelesaian masalah secara kritis dengan nilai 2.2 di mana nilai min sebelum menyertai kursus adalah 2.81 manakala selepas menyertai kursus adalah 5.01. Manakala kemahiran kepimpinan mencatatkan peningkatan min kedua tertinggi dengan peningkatan 2.1. Namun begitu, kemahiran yang mempunyai peningkatan nilai min terendah ialah kemahiran pengurusan maklumat dengan peningkatan hanya 0.3. Kemahiran etika dan moral profesional serta kemahiran kerja berpasukan masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 0.7 di mana mencatatkan peningkatan kedua tertinggi.

Jadual 4: Perbandingan min sebelum dan selepas menyertai kursus badan beruniform Pasukan Bomba Bantuan Institusi

Kemahiran	Sebelum	Selepas
Kemahiran komunikasi	3.72	4.55

Kemahiran penyelesaian masalah secara kritis	2.81	5.01
Kemahiran keusahawanan	2.50	3.01
Kemahiran kepimpinan	3.31	5.41
Kemahiran etika dan moral profesional	3.66	4.36
Kemahiran kerja berpasukan	3.74	4.44
Kemahiran pengurusan maklumat	3.52	3.82

5. Kesimpulan

Mahasiswa perlu menyediakan diri dengan kemahiran yang relevan untuk berfungsi dengan signifikan selari dengan bidang potensi yang disasarkan bagi merapatkan jurang kompetensi kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa. Perkara ini dilihat sejajar dalam konteks pekerjaan professional hari ini, ia menuntut keseimbangan penguasaan terhadap kemahiran insaniah berbanding kelayakan akademik atau pengetahuan teknikal. Oleh itu, kajian ini telah dijaalakan bertujuan untuk mengukur tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan 172 pelajar yang mengambil kursus kokurikulum badan beruniform pasukan bomba bantuan institusi (KOR SISWA BOMBA). Terdapat tujuh atribut kemahiran insaniah (softskill) untuk pelajar IPT seperti yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) merangkumi kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, berfikir kritis dan penyelesaian masalah, pembelajaran sepanjang hayat, keusahawanan dan kemahiran etika moral profesional (KPT 2006) digunapakai di dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan terdapat perubahan peningkatan penguasaan ketujuh-tujuh kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa sebelum dan selepas menyertai badan beruniform pasukan bomba bantuan institusi (KOR SISWA BOMBA) di mana kemahiran penyelesaian masalah secara kritis menunjukkan peningkatan tertinggi diikuti kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, kemahiran keusahawanan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran etika dan moral profesional dan seterusnya kemahiran pengurusan maklumat. Di akhir kajian ini, diharap pihak berwajib dapat terus menambahkan modul dan kursus secara bersasar kepada mahasiswa supaya mereka dapat meningkatkan kemahiran-kemahiran yang bakal membantu mereka di medan pekerjaan pada masa akan datang.

Penghargaan

Terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum and Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan dalam menyiapkan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Anuar, A., & Esa, A. (2010). Penerapan kemahiran insaniah di Pusat Giat Mara (PGM): Satu analisis perbandingan. Dlm. Esa, A., & Mustafa, MZ (pynt.), *Kemahiran insaniah: Kajian di institusi-institusi pengajian* (ms. 1–19.). Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Bich, N., & Thai, P. (2019). The effects of leadership skills on firm performance: The case of textile and garment firms in Vietnam. *Management Science Letters*, 9(12), 2121-2130.
- Cooper, D. R., Schindler, P. S., & Sun, J. (2006). *Business research methods* (Vol. 9, pp. 1-744). New York: McGraw-hill.
- Hair, J. F., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2011). PLS-SEM: Indeed, a silver bullet. *Journal of Marketing theory and Practice*, 19(2), 139-152.
- Ibrahim, R., Boerhannoeddin, A., & Bakare, K. K. (2017). The effect of soft skills and training methodology on employee performance. *European Journal of Training and Development*.
- İncebacak, B. B., & Ersoy, E. (2016). Problem solving skills of secondary school students. *China-USA Business Review*, 15(6), 275-285.
- John, J. (2009). Study on the nature of impact of soft skills training programme on the soft skills development of management students. *Pacific Business Review*, 19-27.

- Kim, J. Y., Choi, D. S., Sung, C. S., & Park, J. Y. (2018). The role of problem-solving ability on innovative behavior and opportunity recognition in university students. *Journal of Open Innovation: Technology, Market, and Complexity*, 4(1), 4.
- Lowden, K., Hall, S., Elliot, D., & Lewin, J. (2011). *Employers' perceptions of the employability skills of new graduates*. London: Edge Foundation.
- Luthra, A., & Dahiya, R. (2015). Effective leadership is all about communicating effectively: Connecting leadership and communication. *International Journal of Management & Business Studies*, 5(3), 43-48.
- Majed, S. Z. (2019). The role of leadership soft skills in promoting the learning entrepreneurship. *Journal of Process Management. New Technologies*, 7(1), 31-48.
- Md Ali, R., Shaffie, F., & Mohd Yusof, F. (2016). Public university educators' understanding and conception of soft skills for educators. *International Review of Management and Marketing*, 6(S7), 181-186.
- Rathee, R., & Rajain, P. (2019). *Fending Competition through Sensory Experiences-Easyday Way*.
- Sanyal, S., & Hisam, M. W. (2018). The impact of teamwork on work performance of employees: A study of faculty members in Dhofar University. *IOSR Journal of Business and Management*, 20(3), 15-22.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. John Wiley & Sons.
- Spicer, N. (2004). Combining qualitative and quantitative methods. *Researching society and culture*, 2, 293-303.
- Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273-1296.
- Watts, M., & Watts, R. K. (2008). *Developing soft skills in students*.
- Wilson, L., Ho, S., & Brookes, R. H. (2018). Student perceptions of teamwork within assessment tasks in undergraduate science degrees. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 43(5), 786-799.
- van Griethuijsen, R. A., van Eijck, M. W., Haste, H., den Brok, P. J., Skinner, N. C., Mansour, N., ... & BouJaoude, S. (2015). Global patterns in students' views of science and interest in science. *Research in science education*, 45(4), 581-603.